

TARIKH	25 / 04 / 2014	SEKSYEN	DUNIA
MUKA SURAT	45	RUANGAN	

## Kematian akibat MERS-CoV cecah 85

Riyadh: Pemerintah Arab Saudi, Raja Abdullah, berada di Jeddah semalam dalam usaha memberi jaminan kepada penduduk yang bimbang ketika angka kematian akibat Sindrom Pernafasan Asia Barat-Virus Korona (MERS-CoV) mencecah 85 orang.

Bandar raya berkenaan menyaksikan peningkatan kes di kalangan kakitangan kesihatan sejak beberapa minggu lalu yang mencetuskan kebimbangan bahawa virus berkenaan lebih mudah dipindahkan dari pada manusia kepada manusia.

Kebimbangan masyarakat diburukkan dengan laporan peletakan jawatan sekurang-kurangnya empat doktor di Hospital Raja Fahd di Jeddah minggu lalu selepas enggar merawat pesakit MERS kerana bimbang dijangkiti virus korona

yang membawa maut itu.

Dalam buletin terkininya kelmarin, Kementerian Kesihatan berkata ia merekodkan keseluruhan 287 kes MERS-CoV di negara itu setakat ini, dan 85 daripadanya meninggal dunia.

Di sebalik perangkaan itu, keluarga diraja menegaskan tiada sebab untuk orang awam bimbang.

### Beri jaminan

Menteri Pengawal Negara, Putera Mitab, berkata Raja Abdullah berada di Jeddah untuk memberi jaminan kepada orang awam dan membuktikan tambah tokok cerita dan khabar palsu mengenai virus korona itu tidak benar.

"Keadaan MERS-CoV terkawal dan tidak mencapai tahap wabak," katanya kepada penun-



Pekerja perubatan dan rakyat asing memakai topeng penutup mulut dan hidung ketika meninggalkan hospital di Jeddah, kelmarin.

(FOTO AFP)

tut di Jeddah menurut Saudi Gazette.

Namun, ia tidak menghalang beliau memecat Menteri Kesihatan, Abdullah al-Rabiah, Isnin lalu tanpa penjelasan rasmi.

Menteri Buruh, Adel Fakieh, yang mengambil alih sebagai pemangku Menteri Kesihatan.

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) kelmarin berkata kes yang berlaku di kalangan kelompok pekerja kesihatan menjadi punca kebimbangan kerana virus berkenaan jelas berjangkit daripada manusia dan bukan secara langsung daripada haiwan. **AFP**